

Kerajaan tiada niat konfrontasi: Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak berniat untuk berkonfrontasi dengan mana-mana pihak apabila membuat keputusan memberi penjelasan berhubung persoalan yang dibangkitkan Tun Dr Mahathir Mohamad, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Apa yang perlu dijelaskan kita kena jelaskan, bukan untuk bersikap sombong atau menunjuk-nunjuk dan tidak ada sebab untuk kita berseindung atau menipu rakyat, malah Pak Lah pun mahu kita telus.

"Kita tidak mahu berkonfrontasi atau bergaduh kerana kita berhadapan dengan soal kepentingan ne-

gara," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Mesyuarat Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, keputusan untuk memberi penjelasan berhubung isu itu dibuat selepas mengambil kira kepentingan rakyat dan negara.

"Kita bincang atas kepentingan negara, bukan untuk menidakkan kepemimpinan lepas dan dalam keadaan tertentu perubahan perlu dibuat termasuk daripada segi dasar untuk memelihara kepentingan negara dan rakyat.

"Apa yang penting penjelasan yang

disampaikan nanti mengandungi fakta lengkap supaya tidak timbul kekeliruan atau kenyataan yang dianggap separuh betul oleh Dr Mahathir sendiri," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Shahrir Abdul Samad pula berkata, penegasan Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib Razak bahawa tidak wujud puak dalam Umno menangkis dakwaan kononnya berlaku perpecahan dalam parti berikutan kritikan terbuka Dr Mahathir.

"Saya rasa ia bukan krisis keyakinan dan sokongan, (tetapi) kerana adanya spekulasi berikutan kritikan terbuka Tun Dr Mahathir, maka kena tenang keadaan dan

hanya perlu jawab perkara berkenaan," katanya.

Shahrir berkata, keputusan kerajaan memberi penjelasan kepada rakyat juga dibuat bukan untuk 'menggembirakan' Dr Mahathir, sebaliknya untuk kepentingan umum.

"Kita mesti memberi pengetahuan kepada umum dan biarkan mereka memahami isu. Saya rasa bukan kegembiraan Tun yang kita perlu beri perhatian," katanya.

Sementara itu, Shahrir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berkata, beliau belum menerima surat daripada Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S

Samy Vellu, bagi mengesahkan kehadirannya pada Mesyuarat Jawatankuasa PAC, Khamis ini bagi menjelaskan isu pampasan pembatalan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor.

"Mungkin surat itu pergi ke Parlimen. Jika di Parlimen, saya akan lihat dan bincangkan perkara itu pada Mesyuarat PAC nanti... Samy Vellu sendiri dah ada dua pilihan, sama ada datang sendiri atau menghantar surat," katanya.

Ditanya tindakan yang boleh diambil PAC jika Samy Vellu tidak melaksanakan pilihan itu, Shahrir berkata: "Macam-macam tindakan kita boleh ambil."